

Semangat Patriotik Masyarakat Cina: Analisis Teori Relevans

(Patriotic Sentiment of Chinese Community: A Relevance Theory Analysis)

MONICA LIAW KAH PEI* & MARY FATIMAH SUBET

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak,
Malaysia

*Corresponding author: monicaliaw.mlp@gmail.com

ABSTRAK

Masyarakat Cina terkenal dengan sikap patriotik mereka. Namun semangat ini tidak ditunjukkan secara langsung. Makalah ini bertujuan untuk mengesan gambaran budaya masyarakat Cina yang boleh didapati dalam sajak Melayu. Teori yang diaplikasi ialah Teori Relevans (TR) yang dipelopori oleh Sperber dan Wilson (1986). Kajian ini ialah kajian kualitatif. Tiga sajak hasil penulisan Lim Swee Tin (LST), seorang penggiat sastera yang tersohor dianalisis. Baris-baris yang memaparkan semangat patriotik telah dikenal pasti daripada data korpus dan seterusnya dianalisis menggunakan TR. Dapatan kajian menunjukkan semangat patriotik yang terkenal dalam kalangan masyarakat Cina telah dikesan dalam sajak yang dihasilkan oleh LST ini. Kajian juga mendapati ada maklumat yang terselindung di sebalik baris-baris data yang dianalisis, di samping turut mengesan terdapatnya kaitan nilai serta budaya dalam masyarakat Cina. Akhirnya, kupasan data dengan aplikasi TR penting kerana hasil interpretasi yang diperoleh adalah lebih teoretikal, bersifat ilmiah dan sah dari segi kesahihannya. Hasil analisis bukan sahaja tidak akan dipertikaikan bahkan juga akan dapat menambahkan fakta, pemahaman dan pengetahuan yang sedia ada dalam kalangan masyarakat Cina terutamanya dari segi budaya masyarakat Cina.

Kata Kunci: Budaya Masyarakat Cina, Kesusasteraan Melayu, Lim Swee Tin, Sperber & Wilson, Teori Relevans.

ABSTRACT

In the Chinese community, patriotism had been a strong sentiment, but this sentiment had not been shown openly among the Chinese. Thus, this article aimed to identify the patriotic sentiments of the Chinese community in the Malay poems by applying relevance theory pioneered by Sperber and Wilson (1986). This is a qualitative study. Three poems written by Lim Swee Tin (LST), a famous Malaysian poet were analysed. Poetic lines in the poems that manifested the patriotic sentiments were identified from corpora and they were further analysed with relevance theory. Findings of the study showed that data consisting the patriotic sentiments practised by the Chinese were identified in LST's poems. The results also showed that there were implicit meanings behind the data analysed and the implied meanings and messages had been found to be in relevance with the values and cultures practised in the Chinese community. Not only that, the study also highlighted the importance of relevance theory in analysing the data as results obtained were more theoretical, academic and of high validity. Thus, the results obtained were not only undisputed, but it also an add-on to the existing facts, understanding and knowledge to the Chinese community particularly on the culture of Chinese community.

Keywords: Chinese culture, Lim Swee Tin, Malay Literature, Relevance Theory, Sperber & Wilson.

Copyright: This is an open access article distributed under the terms of the CC-BY-NC-SA (Creative Commons AttributionNonCommercial-ShareAlike 4.0 International License) which permits unrestricted use, distribution, and reproduction in any medium, for non-commercial purposes, provided the original work of the author(s) is properly cited.

PENGENALAN

Kesusasteraan merujuk kepada hasil seni yang disampaikan melalui bahasa. Awang (1984) telah menyatakan sesebuah hasil sastera mengandungi unsur-unsur intelek, emosi, imajinasi dan teknik yang digunakan mahupun diserapkan oleh penulis. Oleh hal yang demikian, kesusasteraan merupakan suatu medium